



SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**PROGRAM WALKABOUT PREMIS BERSIH, BEBAS ASAP (BeBAs) &
PENGIKTIRAFAN “BERSIH DAN SELAMAT”(BeSS) INISIATIF
MEMBUDAYAKAN KEBERSIHAN DAN KESELAMATAN PREMIS
MAKANAN**

Labuan, 19 September 2025

YB Dato Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan, hari ini menyertai Program *Walkabout* Premis Bersih, Bebas Asap (BeBAs) Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan. Program BeBAs di Labuan ini merupakan lokasi ke-15 sejak pelancarannya pada Februari 2024, selepas terlebih dahulu dilaksanakan di 14 buah negeri yang lain.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Program BeBAs berusaha meningkatkan kesedaran, sokongan dan pematuhan masyarakat terhadap kepentingan kebersihan serta keselamatan makanan, di samping memastikan pematuhan larangan merokok di premis makanan di seluruh negara. Melalui program ini, premis makanan yang memenuhi kriteria tertentu akan diberikan pengiktirafan “**Bersih dan Selamat**” (BeSS). Kriteria tersebut termasuklah pematuhan terhadap peruntukan peraturan di bawah **Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam [Akta 852]** dan **Akta Makanan 1983 [Akta 281]** serta Peraturan-Peraturan di bawahnya.

Akta 852 telah mula dikuatkuasakan secara berfasa sejak 1 Oktober 2024 dan akan berkuatkuasa sepenuhnya pada 1 Oktober 2025. Akta ini merangkumi kawalan pendaftaran produk merokok, kawalan pengiklanan, promosi, tajaan dan penjualan, serta kawalan terhadap amalan merokok. Selari dengan Operasi Selamat Paru-Paru (Ops Selamat PaPa) yang telah dilancarkan pada 1 Ogos 2025, **penguatkuasaan Akta 852** yang lebih **visible** dan berkesan akan terus dilaksanakan di seluruh Malaysia. Bagi tempoh 1 Oktober 2024 hingga 31 Ogos 2025:

1. Sebanyak **365,765 premis** telah dilawati;
2. Sebanyak **19,175 operasi** telah dijalankan;
3. Sebanyak **114,939 Notis Seksyen 47** bagi kesalahan boleh dikompaun telah dikeluarkan; dan
4. Sebanyak **915 kertas siasatan** telah dibuka bagi kesalahan yang tidak boleh dikompaun di bawah Akta 852.

Pengiktirafan BeSS adalah inisiatif penting dalam **membudayakan kebersihan dan keselamatan premis makanan** di seluruh negara selaras dengan Akta 281. Pengiktirafan ini memperkasakan pemilik premis makanan agar mengutamakan penyediaan makanan yang selamat dan sentiasa mengekalkan persekitaran premis yang bersih kepada pelanggan. Sehingga Jun 2025, sebanyak **14,509 premis** telah menerima pengiktirafan BeSS.

Program BeBAs pula menekankan **Transformasi Tingkah Laku** masyarakat melalui kerjasama pengusaha, agensi kerajaan, sektor swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO). Bagi memperkukuh keberkesanan, **Improvement Action Plan (IAP)** dilaksanakan untuk memantau pelaksanaan melalui jumlah notis kesalahan serta pertambahan premis berstatus BeSS. Di samping itu, setiap negeri perlu menambah sekurang-kurangnya satu (1) lokaliti baharu setiap tahun.

Di Labuan, Program BeBAs melibatkan penyertaan empat (4) NGO, tiga (3) persatuan peniaga dan empat (4) wakil peniaga menggambarkan pendekatan seluruh masyarakat (**Whole-of-Society Approach**). Pemeriksaan ke atas 12 premis di Utama Jaya, Ujong Pasir dan kawasan sekitar mendapati **8 premis** telah diiktiraf BeSS, semuanya mematuhi Seksyen 18, Akta 852 dengan mempamerkan tanda larangan merokok dan tidak menyediakan kemudahan merokok.

Program ini merupakan manifestasi komitmen KKM bukan sahaja untuk memastikan tahap kesihatan dan kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia sentiasa terpelihara. Sebaliknya inisiatif ini berupaya membudayakan kebersihan dan keselamatan premis makanan.

KKM menyeru semua kementerian dan agensi kerajaan, badan profesional, NGO, persatuan peniaga serta seluruh lapisan masyarakat MADANI terus memberikan sokongan dan kerjasama dalam usaha memperkukuhkan keselamatan serta kebersihan makanan demi mencapai hasrat menjadikan Malaysia sebuah negara bebas daripada sebarang bentuk amalan merokok menjelang tahun 2040. Ini adalah selaras dengan nilai MADANI - *Kemampanan dan Kesejahteraan*.

- TAMAT -

Dikeluarkan oleh:

Program Kesihatan Awam &

Program Keselamatan dan Kualiti Makanan

Melalui:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Kesihatan Malaysia

